

# Mangsa along enggan beri kerjasama

**K**UALA LUMPUR: Siasatan polis berhubung kes along yang bertindak kejam mengu-rung dan merantai peminjam yang gagal membayar pinjaman dalam satu kejadian di Taman Perindustrian, Sri Kembangan, bulan lalu, terbantut kerana mangsa dan saksi gagal memberi kerjasama.

Ketua Polis Selangor, Datuk Khalid Abu Bakar, berkata tindakan segelintir yang tiba-tiba enggan bekerjasama sama ada untuk memberi keterangan atau mengecam suspek menyukarkan polis menyelesaikan kes itu.

“Tindakan mereka yang tiba-tiba berubah fikiran dan enggan bekerjasama membuatkan kes sukar diselesaikan walaupun ki-

ta mempunyai maklumat tepat.

“Sepatutnya mangsa lebih ber-sedia memberi keterangan untuk membanteras gejala ini daripada terus berleluasa,” katanya pada sidang media selepas Majlis Tamat Latihan Kos Suksis di Uni-versiti Putra Malaysia (UPM), Serdang, dekat sini, semalam.

Mengulas lanjut, Khalid ber-kata, jika mangsa dan saksi di-dapati diugut oleh mana-mana pihak supaya tidak memberi ker-jasama, mereka hanya perlu mel-aporkan kepada polis untuk di-ambil tindakan.

Setakat ini, polis sudah me-nahan tujuh along yang terbabit dengan kejadian berkenaan dan masih memburu lima suspek un-tuk membantu siasatan.

Benta Harian

Jumaat (12 Jun 09) Pg. 13